

**MEMORANDUM KEPADA KEDUTAAN BESAR REPUBLIK  
INDONESIA KUALA LUMPUR**

**KES TENTERA INDONESIA MENGANGGU NELAYAN  
MALAYSIA HARUS DIPANDANG SERIUS**

**25 OGOS 2010**

Kami dari persatuan nelayan ingin menyeru Kedutaan Besar Indonesia mengambil berat tentang isu polis and tentera Indonesia yang sering memasuki lautan Malaysia untuk menahan dan memeras ugut bot nelayan. Kami juga berharap Kedutaan Besar Indonesia akan bekerjasama dengan pihak penguatkuasa Malaysia untuk menyelesaikan masalah ini agar tidak menjejaskan hubungan antara kedua-dua negara ini.

Hakikatnya, masalah tentera Indonesia menahan bot nelayan Malaysia sudah bertambah serius. Sebagai bukti, 11 buah bot milik nelayan-nelayan kawasan Sekinchan, Selangor pernah ditahan oleh tentera Indonesia sejak tahun 2009, jumlah wang ugutan adalah sebanyak 100 ribu Ringgit bagi sebuah bot. Jika tidak membayar wang ugutan, bot mereka akan dirampas dan nelayan tersebut akan terus ditahan dan diseksa. Terdapat tahanan yang mengalami masalah mental setelah dilepaskan akibat seksaan yang berlarutan.

Apabila “perompak lautan” ini bertindak, mereka akan memaksa nelayan-nelayan yang ditahan untuk menandatangani satu dokumen yang mengakui bahawa mereka telah menyeberangi sempadan untuk memeras ugut nelayan-nelayan ini. Kami mempercayai bahawa “perompak” ini merupakan golongan yang tidak bertanggungjawab dari unit berkuatkuasa Negara Indonesia.

Nelayan di Negara kami menghadapi banyak masalah untuk mencari rezeki, terutamanya mereka yang sering diganggu oleh tentera Indonesia kerana mereka bukan sahaja mengalami kerugian dari segi kewangan, mereka juga mempunyai trauma untuk menjalankan pekerjaan mereka pada masa depan.

Oleh yang demikian, kami menyeru pihak kerajaan Indonesia:

- 1. Menyiasat kes-kes tersebut dengan segera.**
- 2. Mengambil tindakan terhadap mereka yang menyalahi undang-undang untuk menyelesaikan masalah ini pada akar umbinya dengan secepat mungkin.**
- 3. Berjanji dan bekerjasama dengan kerajaan Malaysia untuk menjaga keselamatan nelayan.**

*Dewan Perhimpunan China Kuala Lumpur Dan Selangor  
Persatuan Kebajikan Nelayan Dan Perniaga-perniagaan Ikan Sekinchan, Selangor  
Koperasi Nelayan Hilir Perak Berhad  
Persatuan Nelayan Hai San*

# 吁请严正关切印尼军警犯境骚扰渔船事件

我们，以下团体，要求印尼大使馆高度关注贵国军警不断侵入马来西亚海域，扣押及勒索深海渔船等事件，并尽速展开调查，共同与马来西亚执法单位寻求对策，以免类似事件继续恶化，进而损及两国关系。

印尼军警犯境拦检、扣押及勒索马来西亚渔船事件，已日益严重。以雪兰莪州适耕庄为例，截至今年 7 月，已有 11 艘渔船遭到干扰，勒索金额高达 10 万令吉。若不付赎金，除了渔船被拖往印尼充公外，被掳的渔民还被长期囚禁，终日受非人对待，有者获释后更神智不清，相信是长期受虐及精神折磨所致。

这些海上掠夺者每次犯案时，必强迫渔民签署承认越境之文件，借机绑架敲诈。我们有理由相信，如此所为，极可能是贵国执法单位中的害群之马。

渔民生活愈日艰难，并面对多项严重问题，生计因此受挫。渔民频遭邻国海上军警犯境勒索，除了金钱损失外，心理上亦颇受影响，日后出海作业倍感恐惧。

因此，我们促请贵国政府：

1. 尽速对上述事件展开深入调查。
2. 将为非作歹者绳之以法，一劳永逸解决有关危机。
3. 给予承诺，并与马来西亚执法单位携手合作，保护渔民安危。

吉隆坡暨雪兰莪中华大会堂

雪州适耕庄渔业公会

雪州大港海产公会

下霹雳渔民合作社

敬启